

U B692 AAB
MAHATHIR - KEBEBASAN

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI MENINGGATKAN SEMUA PIHAK DI NEGARA INI SUPAYA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT UMUM DALAM MEMAMALKAN KEBEBASAN DEMOKRASI KHUSUSNYA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG SENSITIF.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MEMANG SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK TETAPI IA ISTIMEWA DAN TIDAK SERUPA DENGAN NEGARA MAJU SEPERTI EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT DAN OLEH ITU DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI TIDAK BOLEH TERIKUT-TERIKUT DENGAN KEBEBASAN INDIVIDU TETAPI HENDAKLAH DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN DI NEGARA INI SENDIRI.

KATANYA, DI MALAYSIA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM, BANYAK PERKARA SENSITIF YANG PERLU DIURUS SECARA DIPLOMASI UNTUK MENGELAK TIMBULNYA MASALAH DAN INI HENDAKLAH DILAKUKAN MELALUI CARA DAN SALURAN TERTENTU YANG ADA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA DI SINI, PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL (BN) MEMBERI AMARAN BAHAWA DI NEGARA-NEGARA YANG CUBA MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH MEREKA MELALUI PERASAAN DAN EMOSI, MEREKA MENDAPATI BAHAWA IA BERTERUSAN DAN MALAHAN BERTAMBAH BURUK.

BELIAU JUGA MENINGGATKAN BAHAWA MASALAH YANG MENGANCAM NEGARA INI SEKARANG YANG SEBENARNYA IALAH KEMELESETAN EKONOMI DAN APA YANG PENTING SEKARANG IALAH MENGAMBIL PENGAJARAN DARIPADA KEADAAN INI UNTUK MEMBINA EKONOMI NEGARA YANG LEBIH KUKUH. -- LAGI

1341MST 16 11 86

D904

U B722 AAB

MAHATHIR - KEBEBASAN 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

R R R

YANG TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, PRESIDEN GERAKAN DATUK DR LIM KHENG YAIK, TIMBALAN PRESIDEN MIC DATUK S. SUBRAMANIAM DAN BEBERAPA ORANG WAKIL PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGGATKAN BAHAWA BN DAN KERAJAAN MEMPUNYAI CARA, FORUM SERTA SALURAN TERTENTU UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG SENSITIF DAN SETAKAT INI CARA INI TELAH DAPAT MENGATASI PELBAGAI MASALAH.

KATANYA, PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN KAUM SERING MENIMBULKAN EMOSI DAN DENGAN MEMINDAHKAN ISU ITU DARIPADA TEMPAT-TEMPAT AWAM DAN JALAN RAYA-JALAN RAYA KE BILIK MESYUARAT, NEGARA BERJAYA MENYELESAIKAN MASALAH KAUM BERKALI-KALI TERMASUK PERTELINGKAHAN KAUM YANG TERAKHIR.

MERUJUK KEPADA ISU PRIBUMI, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SETELAH PERTELINGKAHAN ITU DAPAT DISELESAIKAN MELALUI MESYUARAT YANG TERTIB, SOAL STATUS SESIAPA TIDAK PERLU DIPERSOALKAN LAGI.

BELIAU BERKATA +KITA TAHU WARGANEGARA MALAYSIA BERKETURUNAN CINA DAN INDIA BUKANLAH PENDATANG ASING DAN MEREKA MEMPUNYAI HAK YANG SAMA DENGAN WARGANEGARA LAIN. ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA LAIN, DARIPADA SUDUT SEJARAH, ADALAH PENDUDUK ASAL NEGARA INI.+

BELIAU SETERUSNYA BERKATA WALAUPUN KEMELESETAN EKONOMI BUKAN DISEBABKAN OLEH NEGARA, LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPERBAIKI EKONOMI NEGARA PERLU DIAMBIL DAN KERAJAAN TELAH PUN MENGUBAH BEBERAPA DASAR BAGI TUJUAN ITU. -- LAGI

1629MST 16 11 86

U 8671 AAB
MAHATHIR - KEBEBASAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENINGATKAN BAGAIMANAPUN TINDAKAN-TINDAKAN KERAJAAN TIDAK BERHASIL JIKA RAKYAT TIDAK SANGGUP MENGHADAPI CABARAN DENGAN MENJADI LEBIH PRODUKTIF DAN MENGELAK DARIPADA SEBARANG PERBUATAN YANG BOLEH MEMBURUKKAN LAGI EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEMELESETAN EKONOMI NEGARA TELAH MENUNJUKKAN SEGALA KELEMAHAN DAN KECURANGAN YANG BERLAKU DAN +KITA HARUS BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN ITU UNTUK MENGADAKAN ASAS-ASAS AMALAN EKONOMI YANG LEBIH SIHAT.+

BELIAU YANG MERUJUK KEPADA PENYELEWENGAN YANG BERLAKU DALAM KOPERASI-KOPERASI BERKATA +KITA HARUS BERHATI-HATI APABILA MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA MANA-MANA PENGURUS.+

+KITA HARUS ADA PERATURAN-PERATURAN DAN KITA HARUS MENYEMAKNYA SELALU. JANGANLAH KITA TERLALU TERTARIK DENGAN MENDAPAT UNTUNG YANG BANYAK DAN CEPAT SEHINGGA KITA MUDAH PERCAYA KEPADA KATA-KATA MANIS ORANG TERTENTU,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, SUNGGUHPUN BERKALI-KALI ORANG DITIPU, MASIH ADA ORANG LAIN YANG SANGGUP MENJADI PELANGGAN +KUTU+. -- LAGI
1418MST 16 11 86

U 8701 AAB
MAHATHIR - KEBEBASAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA CARA MUDAH UNTUK MENDAPAT UNTUNG MELAINKAN DENGAN DIASASKAN KEPADA PERNIAGAAN, PENGELUARAN DAN PENJUALAN BARANG-BARANG YANG MENGUNTUNGAN.

+PENUKARAN SAHAM, KENAIKAN NILAI HARTA, DISENARAIKAN DALAM PASARAN SAHAM, SPEKULASI SAHAM, SPEKULASI KOMODITI SEMUANYA TIDAK BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA DALAM USAHA MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA, SATU GOLONGAN BARU PENGURUS YANG BERSIKAP PROFESIONAL, ETIKAL, AMANAH DAN TIDAK TAMAK DIPERLUKAN.

+ORANG YANG MEMPUNYAI SYARIKAT SENDIRI TIDAK HARUS MENGURUS SYARIKAT AWAM YANG TERLIBAT DENGAN PERNIAGAAN YANG SAMA. DENGAN LAIN PERKATAAN KITA INGIN MELIHAT SATU PEMBENTUKAN ETIKA BARU BAGI PARTA PENGURUS SYARIKAT DI MALAYSIA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TANDA-TANDA PEMULIHAN EKONOMI SUDAH PUN TERNAMPAK TETAPI MALANGNYA ADA SAHAJA PERKARA-PERKARA LAIN YANG MENCEMAR IKLIM POLITIK DAN EKONOMI NEGARA.

BELIAU BERKATA ADA PIHAK YANG TERLALU SANGAT TERBAWA-BAWA DENGAN PROSES-PROSES DEMOKRATIK SEHINGGA TIDAK PEDULI SAMA ADA PROSES INI MEMBAWA KEBAIKAN ATAU TIDAK KEPADA NEGARA. -- BERNAMA
1438MST 16 11 86